

09 APR 2001
Rencana-PATA
SELAMAT HARI JADI, PATA!

Oleh: Rosliwaty Ramly

KUALA LUMPUR: Hari ini genap 50 tahun penubuhan Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA). Tahniah PATA atas sambutan jubli emas yang penuh bersejarah!

Dan Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia yang bertenaga dan nadi bagi kehidupan politik, ekonomi dan sosial negara, merai kehadiran para pemimpin industri dan delegasi daripada lebih 40 buah negara untuk berbincang mengenai perkembangan terkini dalam bidang pelancongan dan kembara dunia serta aplikasi teknologi maklumat dalam sektor pelancongan.

Lima puluh tahun lalu tatkala para pengasas organisasi itu bertemu di Hawaii untuk menubuhkan PATA, kawasan Asia Pasifik merupakan satu kawasan yang amat berbeza. Pada 1951, Malaysia dikenali sebagai Malaya.

Ketika itu, kebanyakan pelancongan antarabangsa adalah melalui laut. Bayangkan, belanja yang tinggi dan masa yang diambil untuk tiba ke sesuatu destinasi. Begitu juga kemudahan dan prasarana yang serba kekurangan untuk memudahkan pelancongan di Pasifik atau Asia.

Namun, pengasas PATA punyai wawasan untuk mewujudkan sektor pelancongan komersil yang bertenaga di wilayah Pasifik pada tahun-tahun bergolak selepas Perang Dunia Kedua.

Meskipun lewat 1940an dan awal 1950an, wujud pergolakan politik dan sosial di wilayah berkenaan, tetapi PATA melihat kepada bermulanya era pelancongan dan perdagangan di wilayah Pasifik dan menubuhkan PATA berlandaskan keamanan dan kerjasama di kalangan negara-negara anggota.

KESELESAAN ADALAH SATU NORMA

Hari ini, setengah abad kemudian, tokoh-tokoh pelancongan seantero dunia sedang menikmati hasil wawasan PATA dan bertahun-tahun kerja keras para pengasasnya.

Negara-negara anggota juga meraih faedah daripada kemudahan cemerlang dan pengalaman keselamatan dan keselesaan yang diperolehi hari ini daripada industri pelancongan dan pengembaraan di seluruh pelusuk dunia.

Kejayaan ini membuktikan ikatan kerjasama dan persefahaman yang terjalin erat sesama anggota selama 50 tahun.

Dan ini bukanlah pertama kali Malaysia menjadi hos persidangan PATA. Ia telah mengendalikan Persidangan Tahunan PATA pada 1972 dan 1986.

Ketika PATA pertama kali memijak bumi Malaysia, negara berhasrat untuk menarik seratus ribu pengunjung setahun. Tahun lepas, ia berjaya memikat 10.2 juta ketibaan pelancong, berbanding hanya 700,000 pada 1972.

Dalam tempoh 15 tahun sejak kali terakhir KL menjadi hos Persidangan Tahunan PATA, bandaraya Asia yang bertenaga ini telah menempuhi pelbagai perubahan yang menakjubkan. Antaranya, muncul bangunan tertinggi, tiang bendera tertinggi dan menara komunikasi tertinggi di dunia.

Para pelancong kini berpeluang untuk melihat dan meneroka pelbagai pilihan tempat di berlainan bahagian negara ini.

APA YANG DISEDIAKAN UNTUK DELEGASI

Tema pilihan persidangan, "Kebanggaan Silam: Janjian Gemilang", mewujudkan suasana yang penuh bermakna bagi sambutan jubli emas memandangkan PATA mencerminkan pencapaian silam dan cabaran masa depan dalam industri pelancongan dan pengembaraan.

Tirai persidangan dibuka dengan ucaptama dan perasmian oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sejeurus kemudian, lebih daripada

100 persembahan langsung bergema dalam pertunjukan kebudayaan multi-media bagi meraikan delegasi PATA.

Malah, semalam, majlis makan malam "Selamat Datang ke Malaysia" telah diadakan di Esplanade KLCC Park, yang dihoskan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Program persidangan menyenaraikan 23 penceramah ternama daripada tujuh buah negara. Duta L.W. "Bill" Lane, Jr., seorang ahli pengasas PATA, akan menyampaikan ucapan ulang tahun kebanggaan silam persatuan.

Antara penceramah ternama yang dijemput adalah dari Boeing Commercial, Marriot International, Megatrends Asia dan TIME Asia.

Di samping itu, beberapa aktiviti dan majlis diatur bagi memeriahkan sambutan jubli emas.

Misalnya, Adik Fathmath Elysha, 9 tahun, pemenang peraduan poster Ulang tahun PATA ke50, diterbangkan dari Maldives oleh Penerbangan Malaysia untuk menerima anugerahnya pada acara perasmian.

Travelmedia.com akan menayangkan persembahan video yang meninjau kembali Ulang tahun PATA ke 50, sementara para editor "The Story of PATA" akan membuka tirai edisi kedua buku itu. Setiap delegasi akan dihadiahkan senaskah buku berkenaan.

Mr Ed Fuller, presiden Marriot International, akan menyampaikan anugerah "Marriott International Tourism Leadership" kepada PATA sebagai menghargai kepimpinan PATA dalam bidang pelancongan berkekalan, mengalakkan amalan dan dasar persekitaran yang baik serta pengekal budaya.

PATA merupakan persatuan pertama menerima anugerah itu. Sebelum ini, penerima-penerima lain ialah Putera Charles, Costa Rica dan Raja Abdullah dari Jordan.

Para pemimpin PATA yang terdahulu juga akan diiktiraf sebagai ahli kehormat Ulang tahun PATA ke 50.

Anugerah Emas PATA, tajaan pejabat Pelancong Kerajaan Macau menghargai pencapaian luar biasa dalam bidang pemasaran dan promosi, warisan dan budaya, pendidikan, kewartawanan dan pelancongan alam sekitar.

Para delegasi boleh berdansa sepanjang malam sewaktu jamuan makan malam "PATA Annual Industry Dinner (PAID)" di Istana Hotel. Acara sedemikian merupakan acara sosial setiap kali persidangan tahunan PATA.

Di bawah tema "50 Tahun Keemasan", Tunku Iskandar Tunku Abdullah, pengerusi jawatankuasa penganjur, menjanjikan malam yang hebat untuk mereka yang hadir.

Hari Rabu, majalah National Geographic menjemput para delegasi ke jamuan makan tengah hari sambil menonton tayangan berbentuk multi-media bertajuk: "Passages: A Journey Through Asia and the Pacific", oleh Ian Lloyd.

Semua delegasi juga akan menerima sekeping cakera padat kenang-kenangan yang merakamkan lagu 'Peoples of the Pacific song,' dipersembahkan oleh 'Honolulu Boys Choir'.

Kemudian, terdapat satu lelongan khas 'PATA's Foundation Silent Auction' untuk pemimpin-pemimpin industri dan delegasi untuk mengamalkan sesuatu yang mereka suruh orang lain lakukan, misalnya usaha melindungi penyu-penyu yang kepupusan, mengekal tapak warisan silam atau mengajar amalan mengekalkan tanah kepada komuniti orang asli.

Lelongan khas itu untuk mengutip derma program pembangunan warisan kebudayaan, pendidikan dan persekitaran di wilayah Asia Pasifik.

Delegasi dipelawa untuk berehat sejenak daripada urusan perniagaan, singgah di tempat lelongan dan membuat tawaran sesama rakan di mana akhirnya mereka boleh membawa balik sesuatu, dan pada masa yang sama berpuas hati dapat menyumbangkan sesuatu untuk tujuan amal.

Barang-barang yang didermakan termasuk penginapan, pengiklanan, tiket penerbangan, kerja seni, sewaan kereta, pelayaran pesiaran, kraftangan,

barang niaga dan pakej lawatan.

Sudut E-Marketplace yang turut disediakan juga boleh membantu anggota PATA mempelajari bagaimana untuk menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan perniagaan mereka.

Akhirnya, Pelancongan Malaysia menyediakan pelbagai tarikan eksotik dan terbaik menerusi 16 lawatan pra-dan pasca -persidangan untuk dinikmati para delegasi. -- Bernama

RR AM